



PERSEKUTUAN PENGAKAP MALAYSIA

SKIM LATIHAN PENGAKAP REMAJA UDARA





PERSEKUTUAN PENGAKAP MALAYSIA



SKIM LATIHAN PENGAKAP REMAJA UDARA

Diterbitkan oleh:

Pasukan Latihan Negara
Persekutuan Pengakap Malaysia
RUMAH B-P
Jalan Hang Jebat
50150 Kuala Lumpur

(Hak Penerbit Terpelihara)
Oktober 2010



PERSEKUTUAN PENGAKAP MALAYSIA

SKIM LATIHAN PENGAKAP REMAJA UDARA

Buku Skim Latihan Pengakap Udara ini diterbitkan sebagai garis panduan bagi Pemimpin dan Pengakap yang memerlukan bahan rujukan. Buku ini telah disusun menurut piawaian dan nasihat Jabatan Penerbangan Awam, DCA Malaysia.

Peringatan:

Buku ini ialah panduan bagi mendapatkan lencana-lencana Pengakap Udara, bukannya bagi mendapatkan lesen penerbangan.

CETAKAN PERTAMA 2010

Muka Taip Teks :

Eras Bold TC 14 pt

Arial 8.5 pt

Diterbitkan oleh :

Pasukan Latihan Negara
Persekutuan Pengakap Malaysia
RUMAH B-P
Jalan Hang Jebat
50150 Kuala Lumpur

HAK CIPTA TERPELIHARA

Sebarang bahagian risalah/modul ini tidak boleh diubah suai atau dicetak semula dalam apa jua bentuk sama ada secara elektronik, fotokopi atau cara lain tanpa terlebih dahulu mendapat keizinan bertulis daripada penerbit.

REKOD PERIBADI

Gambar

Nama Pengakap :
(HURUF BESAR)

Tarikh Lahir : No. K.P. :

No. Ahli : No. Kumpulan :

Daerah : Negeri :

Alamat Kumpulan :

..... Telefon :

Pangkat :

Bil.	Lencana / Tanda Cemerlang	No. Sijil	Tarikh
1.	Lencana Keahlian		
2.	Lencana Jayadiri		
3.	Lencana Airmanship		
4.	Lencana Meteorologi		
5.	Lencana Eksedisi		
6.	Lencana Perkhidmatan		
7.	Lencana Ahli Udara Utama		
8.	Tanda Cemerlang Rambu Pengakap Muda (Anugerah Ketua Pesuruhjaya Negara)		

BUKU INI AKAN MENJADI REKOD PERIBADI BAGI SEORANG PENGAKAP MUDA UDARA DAN ADALAH DIWAJIBKAN MENUNJUKKAN BUKU INI SEMASA MEMBELI LENCANA-LENCANA SERTA UNTUK DIPERIKSA OLEH PIHAK PENTARAF PENGAKAP RAJA.

PENDAHULUAN

PENGAKAP REMAJA UDARA adalah satu kesinambungan kepada program latihan Pengakap Muda Udara selain daripada Pengakap Kanak-Kanak, Pengakap Remaja, Pengakap Laut, dan Pengakap Kelana. Bahagian ini ialah bagi budak-budak yang berumur dari 15 hingga 18 tahun.

Seorang budak itu boleh menjadi Pengakap Remaja Udara terus daripada Pengakap Muda Udara ATAU sebagai ahli baru apabila telah berumur 15 tahun dan mendapat Lencana Keahlian setelah diuji dalam beberapa perkara yang tertentu.

Bahagian ini ialah peringkat yang ketiga dalam sistem latihan yang progresif dalam pergerakan Pengakap bagi menggalakkan dan memperbaiki lagi kesuburan rohani, jasmani, akal dan pergaulan di kalangan ahli-ahlinya.

Bahagian ini dibahagikan kepada beberapa Patro! tiap satu seramai 6 hingga 8 orang ahli diketuai seorang Ketua Patro! di bawah pimpinan seorang dewasa lelaki yang di panggil Pemimpin Pengakap Udara. Patro! tersebut terdiri daripada Patro! Zuhrah, Musytari, Zuhail, Marikh, Utarid dan Neptune

Pengakap Udara pada hakikatnya adalah pengakap yang diberi penerapan di dalam aspek aeronautikal dan industri penerbangan. Mereka didedahkan dengan ilmu-ilmu aeronautika manakala perihai keselamatan penerbangan (*flight safety*) dan undang-undang (*rules and regulation*) udara menjadi tema utama program latihan bagi Pengakap Udara. Program latihan tidak bermaksud melatih seseorang itu menjadi juruterbang (semata-mata), tetapi sebagai ahli udara yang berkefahaman mendalam dan menyeluruh mengenai berbagai-bagai komponen industri penerbangan. Program latihan bagi Pengakap Udara juga menawarkan kelainan kepada program sedia ada. Kepada anak-anak muda yang mempunyai minat, inilah peluang untuk mereka ceburi. Berbagai-bagai lencana boleh dianugerahi asalkan seseorang itu berusaha gigih mendapatkannya. Ditambah dengan aktiviti-aktiviti menyeronokkan dari masa ke masa, pastinya Pengakap Udara satu program yang tidak mengecewakan.

Program latihan bagi Pengakap Udara juga menawarkan kelainan kepada program sedia ada. Kepada anak-anak muda yang mempunyai minat, inilah peluang untuk mereka ceburi. Berbagai-bagai lencana boleh dianugerahi asalkan seseorang itu berusaha gigih mendapatkannya. Ditambah dengan aktiviti-aktiviti menyeronokkan dari masa ke masa, pastinya Pengakap Udara satu program yang tidak mengecewakan.

KANDUNGAN

SKIM LATIHAN PENGAKAP REMAJA UDARA

Tajuk	Muka Surat
Rekod Peribadi	1
Pendahuluan	2
Skim Latihan Pengakap Remaja Udara	4
1. Program Latihan Pengakap Remaja Udara.	5
2. Lencana Tertinggi Pengakap Udara.	6
2.1. Lencana Jayadiri	6
2.2. Lencana Airmanship	6
2.3. Lencana Meteorologi	7
2.4. Lencana Ekspedisi	8
2.5. Lencana Perkhidmatan	9
3. Tanda Cemerlang Pengakap Remaja	9
4. Cara Memakai Lencana Tertinggi Pengakap Remaja.	10
5. Langkah Ke Anugerah Pengakap Raja.	11
6. Carta Lencana Pengakap Remaja Udara.	12
7. Buku Log dan Sijil Lencana.	13
8. Rekod Kemajuan Ujian Lencana Tertinggi	14
8.1. Rekod Kemajuan Ujian Lencana Jayadiri	14
8.2. Rekod Kemajuan Ujian Lencana Airmanship	14
8.3. Rekod Kemajuan Ujian Lencana Meteorologi	14
8.4. Rekod Kemajuan Ujian Lencana Ekspedisi	15
8.5. Rekod Kemajuan Ujian Lencana Perkhidmatan	15
8.6. Rekod Kemajuan Lencana Pengakap Raja.	15
8.7. Rekod Khidmat Masyarakat	16
8.8. Rekod Pengesahan Khidmat Masyarakat 24 jam	17
9. Cara Memasang Rambu Pengakap Remaja.	18
10. Aturan Pemakaian Uniform Pengakap Udara.	19

SKIM LATIHAN PENGAKAP REMAJA UDARA

Buku ini mengandungi Skim Latihan bagi Pengakap Remaja Udara. Tidak ada skim latihan udara bagi Pengakap Kanak-kanak. Pengakap Udara bermula dari peringkat umur Pengakap Muda dan meneruskannya dengan Pengakap Remaja. Pengakap Muda Udara harus melengkapkan Lencana Kemajuan Pengakap Udara dan juga Lencana Kemajuan Usaha, Maju dan Jaya serta mematuhi syarat-syarat yang berkaitan bagi mendapatkannya. Hanya selepas melengkapkan lencana-lencana ini beliau boleh mengikuti program Pengakap Remaja Udara pula.

Latihan bagi Pengakap Remaja Udara bermula dengan Lima Lencana Tertinggi serupa dengan Pengakap aliran lain. Namun Pengakap Remaja Udara mengambil Lencana Airmanship menggantikan Lencana Kemahiran dan Lencana Meteorologi menggantikan Lencana Kegiatan. Dua lencana ini adalah unik kepada Pengakap Udara sahaja. Setelah mematuhi syarat-syarat yang ditentukan seseorang Pengakap Remaja Udara itu bolehlah dianugerahkan Rambu Pengakap Remaja.

Bagi mendapatkan Anugerah Pengakap Raja, kelayakannya adalah sama seperti aliran Pengakap dan Pengakap Laut. Calon-calon harus menyertai Ujian Sikap Pengakap Raja yang mengandungi lima bahagian iaitu, Tanggungjawab, Khidmat Masyarakat, Berdikari dan Perkhidmatan Pengembaraan, Kegiatan, dan Ekspedisi. Setelah itu beliau harus menduduki Ujian Pentarafan Pengakap Raja. Sekiranya lulus, layaklah beliau menerima anugerah yang sangat berprestij itu.

Demi mengekalkan keringkasan buku panduan ini, hanya sukatan pelajaran am semasa penyediaan skema latihan ini yang disertakan. Sekiranya terdapat pembaharuan pada sukatan pelajaran am, iaitu Lencana Jayadiri, Ekspedisi dan Perkhidmatan, pembaharuan itu haruslah diguna pakai. Ahli dan pemimpin Pengakap Remaja Udara boleh mendapatkan sukatan pelajaran yang am dengan aliran lain di dalam buku-buku yang berkaitan.

1. PROGRAM LATIHAN PENGAKAP REMAJA UDARA

Program Latihan Pengakap Remaja Udara bermula dari:

A. Lencana Keahlian

Diikuti dengan Lencana Kemajuan Pengakap Muda:

- B. Usaha
- C. Maju
- D. Jaya

Serta Lencana Kemajuan Pengakap Muda Udara iaitu:

- E. Ahli Udara Kelas II
- F. Ahli Udara Kelas I
- G. Ahli Udara Utama

Setelah itu diikuti dengan Lima Lencana Tertinggi Pengakap Udara iaitu:

- H. Jayadiri.
- I. Airmanship.
- J. Meteorologi.
- K. Ekspedisi.
- L. Perkhidmatan.

Bagi Pengakap Muda Udara yang telah menyelesaikan latihan lencana (A.) hingga (G.) dan telah mencapai umur 15 tahun, beliau bolehlah meneruskan dengan program latihan Pengakap Remaja Udara. Bagi mereka yang belum pernah menjadi ahli Pengakap dan baru menjadi ahli ketika berumur 15 tahun haruslah mendapatkan lencana (A.) hingga (G.) dengan kadar segera tetapi berpatutan. Perlu diingat, syarat-syarat untuk mendapatkan lencana-lencana diatas perlu dipatuhi sepenuhnya justeru Lencana Ahli Berkhidmat dan Pertolongan Cemas juga wajib diambil.

Pengakap Remaja Udara yang telah mendapat kelima-lima Lencana Tertinggi boleh dianugerahkan Rambu Pengakap Remaja setelah mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan.

Setelah berjaya mendapatkan Rambu, seseorang Pengakap Remaja Udara harus mempersiapkan diri bagi menghadapi Ujian Sikap Pengakap Raja dan Pentarafan Pengakap Raja.

2. LENCANA TERTINGGI PENGAKAP UDARA

2.1. Lencana Jayadiri

Lencana ini diberi kepada Ahli Pengakap Remaja, sebagai mengakui pengetahuan dalam Kenegaraan, Fungsi-fungsi Parlimen Malaysia, Badan Berkanun dan mempunyai Buku Log Pengakap yang kemas kini.



1. Mengetahui fungsi-fungsi Parlimen.
2. Melukis dan menerangkan rupabentuk bendera semua Negeri dalam Malaysia dan mengetahui Lambang Malaysia dan Lambang Negeri masing-masing.
3. Menerangkan fungsi satu daripada agensi Kerajaan atau badan berkanun seperti UDA, MARDI, MARA, FELDA, LPN, PETRONAS dan lain-lain. Melukis peta negeri masing-masing dan menunjukkan kawasan Parlimen serta nama.
4. Ahli Parlimen yang berkenaan. Mempunyai Buku Log Pengakap yang kemas kini.

2.2. Lencana Airmanship

Lencana ini diberi kepada Ahli Pengakap Remaja Udara, sebagai mengakui pengetahuan dan pelbagai kemahiran dalam perkara kuasa enjin, asas-asas *weight and balance* pesawat, konsep *crew resource management*. Mengenali tanda isyarat penerbangan dan kaedah-kaedah *marshalling*.



1. Menerangkan kesan sekunder kuasa enjin seperti *slipstream*, *torque*, *critical engine* dan sebagainya.
2. Menerangkan asas-asas *weight and balance* pesawat.
3. Membincangkan secara ringkas konsep *Crew Resource Management*.
4. Mengenali dan menunjukkan perbezaan lampu-lampu isyarat *runway*, *taxiway* dan *ramp* di waktu siang dan malam.
5. Mengetahui dan menerangkan mengenai kategori *wake turbulence* pesawat udara dan pemisahannya.
6. Berupaya mengecam dan menafsir pelbagai isyarat permukaan ke udara bagi tujuan mencari dan menyelamatkan.
7. Menunjukkan kemahiran yang tinggi dalam kaedah-kaedah *marshalling*.

2.3. Lencana Meteorologi

Lencana ini diberi kepada Ahli Pengakap Remaja Udara, sebagai mengakui pengetahuan dan pelbagai kemahiran dalam bidang meteorologi seperti istilah CAVOC, NOSIG, NSC, SKC, TEMPO, BCMG dan sebagainya. Mahir dengan *significant weather chart* dan menerangkan simbol-simbol yang lazim digunakan. Mengenali bahaya yang dikaitkan dengan awan, *windshear* dan *microburst*.



Bahagian A – Teori

1. Menerangkan tentang *Environmental Lapse Rate*, iaitu DALR dan SALR.
2. Menerangkan berbagai-bagai proses pembentukan awan berlainan jenis.
3. Menerangkan bahaya-bahaya yang dikaitkan dengan awan CB.
4. Menerangkan tentang *windshear* dan *microburst* dan bahaya-bahaya yang berkaitan dengannya.

Bahagian B – Praktikal

1. Menerangkan maksud istilah-istilah meteorologi seperti CAVOC, NOSIG, NSC, SKC, TEMPO, BCMG, PROB, METAR, TAFOR, SPECI, SIGMET dan sebagainya.
2. Mengetahui dan menerangkan kod-kod cuaca yang digunakan di dalam METAR, TAFOR, SPECI dan SIGMET.
3. Menafsirkan maklumat yang terkandung di dalam suatu METAR, TAFOR, SPECI atau SIGMET ke dalam bahasa yang mudah difahami.
4. Menerangkan mengenai ATIS.
5. Menafsirkan suatu transmisi ATIS ke dalam bahasa yang mudah difahami.
6. Memahirkan diri dengan *Significant Weather Chart* dan menerangkan simbol-simbol yang lazim digunakan di dalam carta tersebut.
7. Membina dengan radas termometer kering dan termometer basah serta mengambil bacaan. Dari bacaan tersebut pengakap hendaklah menentukan suhu, *dew point* serta *relative humidity*.

2.4. Lencana Ekspedisi

Lencana ini diberi kepada Ahli Pengakap Remaja Udara, sebagai mengakui pengetahuan dan pelbagai kemahiran dengan memperlihatkan tahap tertinggi dalam melaksanakan program dan rancangan ekspedisi seperti berbasikal, berperahu, berakit, mendaki Gunung, berjalan kaki dan melengkapkan Log Ekspedisi seperti disyaratkan.



1. Latihan Ekspedisi

Mengetahui keperluan peribadi dan patrol untuk ekspedisi dan menunjukkan kaedah membungkus dan membawa bekalan yang lengkap bagi pengembaraan yang beratnya tidak lebih daripada 15 kg termasuk 10 kg barang makanan. Pengakap hendaklah bersedia menyediakan dan menyusun keperluan peribadi dalam beg sandang (*haversack*).

2. Ekspedisi.

- 2.1. Mengambil bahagian yang penting dalam satu ekspedisi berpatrol (4 hingga 7 orang) dengan berjalan kaki selama 4 hari 3 malam sejauh 80km ATAU 150km berbasikal dengan melaksanakan tugas.
- 2.2. Perjalanan hendaklah meliputi jalan raya, jalan desa, hutan berbukit-bukau.
- 2.3. Bermalam di satu lokasi, mendirikan khemah dan menyediakan makan malam dan sarapan secara '*backwoods*' atau seumpamanya.
- 2.4. Perjalanan meliputi pengembaraan malam tidak kurang dari 3 jam.
ATAU
- 2.5. Berjalan kaki bersama patrol (4-7 orang) tidak kurang dari 40km dalam masa 24 jam terus-menerus dengan melaksanakan tugas.
- 2.6. Perjalanan hendaklah meliputi pinggir bandar, desa atau luar bandar.
- 2.7. Masa rehat diberikan selama 2 jam bagi menyediakan makanan yang disediakan secara '*backwoods*' atau seumpamanya.
- 2.8. Ekspedisi ini diakhiri dengan pengembaraan malam selama 10 jam.
ATAU
- 2.9. Berakit, berkayak atau berdayung sejauh 50km selama 4 hari 3 malam di sungai atau persisiran pantai.
ATAU
- 2.10. Mendaki gunung selama 3 hari 2 malam (mengikut keadaan tempatan) tidak kurang 4,500 kaki dari aras laut.

3. Tugas.

- 3.1. Menyediakan laporan bertulis Log Ekspedisi mengikut format yang disediakan oleh Persekutuan Pengakap Malaysia.
- 3.2. Laporan perjalanan dan tugas hendaklah disokong dengan gambar, rakaman atau video dan sebagainya dan hendaklah dihantar untuk disemak oleh Pemimpin Kumpulan tidak lewat 10 hari selepas ekspedisi.

2.5. Lencana Perkhidmatan

Lencana ini diberi kepada Ahli Pengakap Remaja, sebagai mengakui pengetahuan, kemahiran, kecekapan dalam Pertolongan Cemas, Kebombaan, Penyelamat Nyawa dengan memperlihatkan darjah tertinggi dalam melaksanakan perkhidmatan-perkhidmatan yang berkaitan dengannya.



1. Menyelamatkan Nyawa.

Lulus dan mempunyai SATU sijil mana-mana satu kemahiran perkhidmatan yang berikut:

- a) Pertolongan Cemas - Sijil Peringkat Asas yang dikendalikan oleh Pegawai Perubatan bertauliah atau St. John Ambulan atau Bulan Sabit Merah atau Jabatan Pertahanan Awam Malaysia atau yang setaraf dengannya).
- b) Pemadam Api - Sijil Asas Kebombaan yang dikendalikan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.
- c) Penyelamat Nyawa atau '*Bronze Medallion*' daripada Persekutuan Penyelamat Nyawa atau badan -badan lain yang diiktiraf seperti Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM)

2. Perkhidmatan Masyarakat.

Membuat kerja amal yang diakui, kepada masyarakat berjumlah selama 24 jam dalam tempoh 9 hingga 12 bulan; umpamanya menolong dalam Perkhidmatan Daerah, Negeri atau Kebangsaan, banjir, bencana alam, di rumah ibadat, rumah Kebajikan, khidmat tergepar bila-bila berlaku kebakaran, menuai padi dan mengambil bahagian dalam projek yang dianjurkan oleh pihak berkenaan (Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung : JKKK) atau seumpamanya.

3. Tanda Cemerlang Rambu Pengakap Remaja Anugerah Ketua Pengakap Negara

Seorang Pengakap Remaja Udara setelah mendapat kesemua 5 Lencana Tertinggi (maksimum 1 lencana sahaja dalam masa 1 bulan) boleh dianugerahkan Tanda Cemerlang Rambu Pengakap Remaja Anugerah Ketua Pengakap Negara (AKPN) dengan syarat-syarat berikut :-

1. Lulus semua ujian Lencana Tertinggi sekurang-kurangnya 2 bulan selepas.
2. Menunjukkan sikap dan keupayaan kepimpinan yang cemerlang dan boleh dicontohi.
3. Mengamalkan prinsip Pengakap.
4. Berkelakuan baik dan disegani.



4. CARA MEMAKAI LENCANA PENGAKAP REMAJA UDARA DAN TANDA CEMERLANG RAMBU PENGAKAP REMAJA.




LENGAN BAJU
SEBELAH KANAN

LENGAN BAJU
SEBELAH KIRI

PERINGATAN

Pasangankan lencana satu persatu mengikut nombor yang dahulu didahulukan.

5. LANGKAH KE ANUGERAH PENGAKAP RAJA



6. CARTA LENCANA-LENCANA PENGAKAP REMAJA UDARA

PENTARAFAN PENGAKAP RAJA					
ANUGERAH PENGAKAP RAJA					
	PERKHEMAHAN UJIAN SIKAP PENGAKAP RAJA	Tanggungjawab	Khidmat Masyarakat	Berdikari	Kegiatan
TANDA CEMERLANG RAMBU PENGAKAP REMAJA (ANUGERAH KETUA PENGAKAP NEGARA)					
	LENCANA-LENCANA TERTINGGI	Jayadiri	Airmanship	Meteorologi	Ekspedisi
Belum Pernah Menjadi Pengakap	Lencana Keahlian dan Lulus Lencana Usaha Lencana Maju dan Lencana Jaya dan serta Lencana Ahli Udara Kelas II, I dan Ahli Udara Utama				
Dari Unit Pengakap Muda Udara	Meneruskan latihan dalam Skim Latihan Pengakap Muda Udara hingga lulus Lencana Jaya dan Lencana Ahli Udara Kelas II, I dan Ahli Udara Utama				

7. BUKU LOG DAN SIJIL LENCANA.

Pengakap Remaja yang diberi tawaran menjalani Perkhemahan Pentarafan Pengakap Raja adalah **DIWAJIBKAN** menyediakan dengan sempurna dan seterusnya menunjukkan semua Buku Log dan Sijil yang tersebut di bawah ini untuk diperiksa oleh pihak Lembaga Pentaraf.

Bil	Buku Log	Sijil
1.	Log Peribadi	
2.	Log Lencana Kemajuan Pengakap Muda 2.1 Lencana Keahlian dan Lencana Usaha 2.2 Lencana Maju 2.3 Lencana Jaya 2.4. Lencana Ahli Udara Kelas II/I dan Utama	Dikehendaki Dikehendaki Dikehendaki Dikehendaki
3.	Log Lencana Kepandaian Pengakap Muda 3.1. DUA (2) Lencana Kegemaran Pilihan 3.2. DUA (2) Lencana Pengetahuan Pilihan 3.3. Lencana Ahli Berkhemah 3.4. DUA (2) Lencana Perkhidmatan Pilihan 3.5. Lencana Pertolongan Cemas	Dikehendaki Dikehendaki Dikehendaki Dikehendaki Dikehendaki
4.	Log Lencana Tertinggi Pengakap Remaja Udara 3.1 Jayadiri 3.2 Airmanship 3.3 Meteorologi 3.4 Ekspedisi 3.5 Perkhidmatan	Dikehendaki Dikehendaki Dikehendaki Dikehendaki Dikehendaki
5.	Log Lencana Pengakap Raja 4.1 Tanggungjawab 4.2 Perkhidmatan Masyarakat 4.3 Berdikari 4.4 Kegiatan 4.5 Perkhemahan Pengembaraan	

8.1. Rekod Kemajuan Ujian Lencana Tertinggi Jayadiri

Perkara	Tarikh	T.t. Penguji
1. Fungsi Parlimen		
2. Bendera Negeri dan Lambang serta Jata Negara		
3. Fungsi sebuah Agensi Kerajaan.		
4. Peta Kawasan Parlimen dan Ahli Parlimen.		
5. Buku Log Peribadi.		

Adalah dengan ini diperakui dan disahkan bahawa Pengakap Remaja Udara ini telah menjalankan ujian-ujian seperti mana yang disyaratkan dan LULUS ujian tersebut.

Tarikh Diluluskan oleh

8.2. Rekod Kemajuan Ujian Lencana Tertinggi Airmanship

Perkara	Tarikh	T.t. Penguji
1. Kesan Sekunder Enjin		
2. <i>Weight and Balance.</i>		
3. <i>Crew Resource Management</i>		
4. Papan Tanda Isyarat Lapangan Terbang.		
5. Lampu Isyarat Lapangan Terbang.		
6. Kategori <i>Wake Turbulance.</i>		
7. Kaedah <i>Mashalling</i>		

Adalah dengan ini diperakui dan disahkan bahawa Pengakap Remaja Udara ini telah menjalankan ujian-ujian seperti mana yang disyaratkan dan LULUS ujian tersebut.

Tarikh Diluluskan oleh

8.3. Rekod Kemajuan Ujian Lencana Tertinggi Meteorologi

Perkara	Tarikh	T.t. Penguji
BAHAGIAN A		
1. <i>Environmental Lapse Rate.</i>		
2. Mekanisma pembentukan awan.		
3. Bahaya awan CB		
4. <i>Windshear & Microburst.</i>		
BAHAGIAN B		
1. Istilah-istilah Meteorologi.		
2. Kod-Kod Cuaca.		
3. Menafsir METAR, TAFOR, SPECI atau SIGMET.		
4. ATIS dan menafsirkannya.		
5. <i>Significant Weather Chart</i>		

Adalah dengan ini diperakui dan disahkan bahawa Pengakap Remaja Udara ini telah menjalankan ujian-ujian seperti mana yang disyaratkan dan LULUS ujian tersebut.

Tarikh Diluluskan oleh

8.4. Rekod Kemajuan Ujian Lencana Tertinggi Ekspedisi

Perkara	Tarikh	T.t. Penguji
1. Latihan Ekspedisi		
2. Ekspedisi Pilihan (SATU sahaja)		
☐ Berjalan Kaki 80km		
☐ Pengembaraan 24jam 40km		
☐ Berbasikal 150km		
☐ Berperahu/ Berkayak 50km		
☐ Berakit 50km		
☐ Mendaki Gunung		
3. Log Ekspedisi.		

Adalah dengan ini diperakui dan disahkan bahawa Pengakap Remaja Udara ini telah menjalankan ujian-ujian seperti mana yang disyaratkan dan LULUS ujian tersebut.

Tarikh Diluluskan oleh

8.5. Rekod Kemajuan Ujian Lencana Tertinggi Perkhidmatan

Perkara	Tarikh	T.t. Penguji
1. Pilihan (SATU sahaja)		
☐ Asas Pertolongan Cemas		
☐ Asas Kebombaan (Pemadam Api)		
☐ Penyelamat Nyawa (<i>Bronze Medalion</i>)		
2. Pkhidmatan Masyarakat 24 jam		

Adalah dengan ini diperakui dan disahkan bahawa Pengakap Remaja Udara ini telah menjalankan ujian-ujian seperti mana yang disyaratkan dan LULUS ujian tersebut.

Tarikh Diluluskan oleh

8.6. Rekod Kemajuan Lencana Pengakap Raja

Perkara	Tarikh	T.t. Penguji
1. Tanggungjawab		
2. Khidmat Masyarakat		
3. Berdikari		
4. Kegiatan		
5. Perkhemahan Pengembaraan		

Adalah dengan ini diperakui dan disahkan bahawa Pengakap Remaja Udara ini telah menjalankan ujian-ujian seperti mana yang disyaratkan dan LULUS ujian tersebut.

Tarikh Diluluskan oleh

Rekod Perkhidmatan Masyarakat

Lampiran A

Pengakap Remaja diwajibkan menyiapkan Rekod Perkhidmatan Masyarakat dalam sebuah Buku Log dengan menggunakan format seperti contoh di bawah:-

Tarikh :

Tempat :

Nama pihak yang menerima perkhidmatan :

Butir Perkhidmatan	Masa		Jumlah Masa	
	Dari	Hingga	Jam	Minit

Adalah disahkan Pengakap

telah memberikan perkhidmatan dengan memuaskan.

Tandatangan :

Tarikh

(Pihak Penerima Perkhidmatan)

Cop:

Sebelum menghadiri Ujian Pentaraf Pengakap Raja, masukkan tiap-tiap Rekod Perkhidmatan Masyarakat ke dalam Borang Pengesahan Rekod Perkhidmatan (Lampiran B) untuk pemeriksaan pihak Pentaraf Pengakap Raja.

Rekod Pengesahan Perkhidmatan Masyarakat

Lampiran B

Nama Pengakap :
(HURUF BESAR)

Tarikh Lahir : No. K.P.

No. Ahli : No. Kumpulan :

Daerah : Negeri :

Alamat Kumpulan :

Telefon : Pangkat :

Bil.	Tarikh	Butir Perkhidmatan	Jumlah Masa	
			Jam	Minit

Adalah disahkan bahawa Pengakap Remaja yang tersebut telah lulus ujian tersebut.

Disahkan oleh:

.....
(t.t Pemimpin Pengakap Remaja)

Cop :

Tarikh :

.....
(t.t Pemimpin Pengakap Kumpulan)

Cop :

Tarikh :

CARA MEMASANG TANDA CEMERLANG RAMBU PENGAKAP REMAJA (ANUGERAH KETUA PENGAKAP NEGARA)



Nota:

1. Pemakaian WISEL hanya untuk Ketua Patrol dan Penolong sahaja.
2. LENCANA AHLI UDARA UTAMA boleh dipakai oleh Ahli Pengakap Remaja dan Pengakap Raja.

ATURAN PEMAKAIAN UNIFORM PENGAKAP UDARA



Lelaki



Perempuan



Perempuan yang memakai Tudung.

LAMBANG PENGAKAP UDARA



PENGURUSAN SKIM LENCANA PENGAKAP REMAJA UDARA

ANUGERAH PENGAKAP RAJA
(Julai)



PERKHEMAHAN PENTARAFAN PENGAKAP RAJA
(April)



TEMUDUGA
(April)



PERKHEMAHAN UJIAN SIKAP PENGAKAP RAJA
(Mac)

Tanggungjawab

Khidmat
Masyarakat

Berdikari

Kegiatan

Perkhemahan
Pengembaraan



MEMAKAI RAMBU PENGAKAP REMAJA
(Tingkatan 5 - Januari)



LENCANA- LENCANA TERTINGGI
(Tingkatan 4)

Jayadiri
(April)

Airmanship
(Mei)

Meteorologi
(Julai)

Ekspedisi
(Ogos)

Perkhidmatan
(September)



**LULUS LENCANA USAHA, MAJU DAN JAYA
SERTA
LENCANA AHLI UDARA KELAS II,I DAN UTAMA**
(Tingkatan 1 - 3)

SKIM LENCANA PENGAKAP REMAJA UDARA



LENCANA PENGAKAP RAJA



JAYADIRI



AIRMANSHIP



METEOROLOGI



EKSPEDISI



PERKHIDMATAN



TANDA CEMERLANG RAMBU PENGAKAP REMAJA
(ANUGERAH KETUA PENGAKAP NEGARA)

diterbitkan oleh
**PASUKAN LATIHAN NEGARA
PERSEKUTUAN PENGAKAP MALAYSIA**
Bangunan Rumah BP, Jalan Hang Jebat, 50150 Kuala Lumpur. MALAYSIA

diedarkan oleh

MyScoutShop

d/a PERSEKUTUAN PENGAKAP MALAYSIA

Lot 1, Tingkat Bawah, Bangunan Rumah BP, Jalan Hang Jebat, 50150 Kuala Lumpur. MALAYSIA

Tel / Fax : 03 - 2032 2351 / Email : 2myscoutshop@gmail.com

H/Phone No : 012- 2160361 / 012- 6618498 / 012-2161297

